

Jenis Akhbar : Sinar Harian  
Tarikh : 01/05/2019  
Edisi / Muka Surat : Nasional / 42  
Tajuk : Promosi koperasi sekolah

# Promosi koperasi sekolah

**Koperasi MRSM Kepala Batas terpilih didokumentasikan bagi tujuan promosi koperasi sekolah Malaysia**

SITI ZUBAIDAH MAT ISA

**K**operasi MRSM Kepala Batas terpilih untuk didokumentasikan bagi tujuan mempromosi koperasi sekolah Malaysia ke peringkat global.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, selain kecemerlangan koperasi sekolah itu, pemilihan dibuat bertujuan untuk menonjolkan elemen pembangunan komuniti setempat melalui koperasi.

"Selain itu, ia juga bagi memperlihatkan suasana pembelajaran dan kehidupan harian pelajar-pelajar di sekolah berasrama penuh itu sendiri, serta keupayaan koperasi di sekolah membantu menajana peluang pekerjaan kepada masyarakat di sekitar yang mana



Abdul Fattah (tujuh dari kanan) bersama pelajar-pelajar dan guru-guru MRSM Kepala Batas pada Majlis Tayangan Video Promosi Koperasi Sekolah Malaysia ke Peringkat Global yang berlangsung di Kelana Jaya, kelmarin.

ia dilihat amat bersesuaian.

"Malah, usaha ini juga bertepatan dengan tema Hari Koperasi Sedunia pada tahun ini iaitu Cooperatives for Decent Work," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Tayangan Video Promosi Koperasi Sekolah Malaysia ke Peringkat Global terbitan International Cooperative Alliance (ICA) di Kelana Jaya, ke-

Imarin.

Turut sama pada majlis itu ialah Duta Itali ke Malaysia, Cristiano Maggipinto dan Duta Morocco ke Malaysia, Mohamed Reda Benkhaloun.

Tayangan video yang didokumentasikan itu menceritakan mengenai bagaimana koperasi berperanan penting dalam pembangunan komuniti berbeza di se-

luruh dunia.

Koperasi MRSM Kepala Batas dipilih untuk didokumentasikan oleh pasangan dari Itali iaitu Sara Vicari dan Andrea Mancori yang mempunyai pengalaman selama 15 tahun dalam suntingan video termasuk suntingan video untuk dokumentari *National Geographic*.



ABDUL FATTAH

Sila layari  
[sinarharian.com.my](http://sinarharian.com.my)

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA